



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Kemajuan Petroleum (Pindaan) 1985
DR.3/1985

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Kemajuan Petroleum 1974.

[1hb Oktober 1974.]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kemajuan Petroleum (Pindaan) 1985 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Oktober 1974. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tajuk panjang kepada Akta Kemajuan Petroleum 1974, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda— Pindaan tajuk panjang. Akta 144.

(a) dengan menggantikan noktah dengan koma bernoktah; dan

(b) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan "dan keluaran-keluarannya;" perkataan-perkataan "bagi membuat peruntukan mengenai penubuhan suatu Perbadanan di bawah Akta Syarikat 1965 atau di bawah undang-undang yang berhubungan dengan pemerbadanan syarikat-syarikat dan mengenai kuasa-kuasa Perbadanan itu; dan bagi membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya."

2 RANG UNDANG-UNDANG

Seksyen
baru 3A.

3. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 3, seksyen 3A yang berikut:

"Kuasa-
kuasa
Perbadanan.

3A. (1) Sebagai tambahan kepada segala kuasa Perbadanan sebagaimana yang ditetapkan dalam Memorandum dan Perkara-Perkara Persatuannya, Perbadanan hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil alih atau memperolehi melalui perjanjian, penyerah-hakan, pembelian atau dengan apa-apa cara lain keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada mana-mana pengusahaan perdag-angan, perniagaan atau enterprais dalam apa jua bentuk kepunyaan mana-mana orang atau kumpulan orang (diperbadankan atau tak di-perbadankan) dan menjalankan atau membuat apa-apa kegiatan, sama ada yang disebutkan dalam Akta ini ataupun tidak, yang sebelum pengambilan alih atau pemerolehan itu telah dijalankan oleh, dan bagi maksud, pengusa-haan, perniagaan atau enterprais itu.

(2) Kuasa-kuasa yang diberi kepada Perbadanan di bawah subseksyen (1) adalah sebagai tambahan kepada dan bukannya mengurangkan mana-mana hak, kuasa, kebe-basan, keistimewaan dan faedah yang diberi kepada Perbadanan oleh Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain."

Perbuatan
atau
transaksi
yang
dijalankan
sebelum
peng-
kanunan
Akta ini.

4. (1) Tiap-tiap perbuatan yang dilakukan atau tran-saksi yang dijalankan oleh PETRONAS sebelum pengkanunan Akta ini yang tetap menjadi sah kiranya Akta ini telah dikarunkan dan berkuatkuasa apabila perbuatan itu telah dilakukan atau transaksi itu telah dijalankan adalah dengan ini ditetapkan sebagai dan sentiasanya telah dilakukan atau dijalankan dengan sahnya oleh PETRONAS, dan perbuatan atau transaksi itu bolehlah diteruskan dan diuruskan mengikut Akta ibu sebagaimana dipinda oleh Akta ini.

(2) Peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah terpakai bagi segala prosiding undang-undang dalam apa-jua bentuk atau jenis tindakan yang telah dimulakan tetapi belum lagi diputuskan, atau yang mungkin dimulakan selepas ini, dalam mana-mana mahkamah.

HURAIAN

Perbadanan yang dinamakan Petroleum Nasional Berhad atau, dengan nama ringkasnya, PETRONAS yang disebut dalam Akta ibu telah ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965. Oleh yang demikian, ia mempunyai dan menikmati segala hak, kuasa, kebebasan, keistimewaan dan faedah sesuatu syarikat yang ditubuhkan dengan cara begitu. Akta ibu tidak menghadkan atau menggariskan bidang hak, kuasa, kebebasan, keistimewaan dan faedah yang dipunyai atau dinikmati oleh PETRONAS di bawah Akta Syarikat 1965.

2. Oleh yang demikian, tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk menghapuskan sebarang keraguan tentang kuasa yang dipunyai dan dinikmati oleh PETRONAS selain dari hak, kebebasan, keistimewaan dan faedah yang dipunyai dan dinikmatinya, dan yang sentiasa dipunyai dan dinikmatinya, sama juga dengan yang dipunyai dan dinikmati oleh mana-mana syarikat lain yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965. Berikutan dengan itu, berbagai fasal yang terdapat dalam Rang Undang-Undang ini adalah bertujuan untuk melaksanakan tujuan tersebut.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1323.]